

PROGRAM PENGUMPULAN SISA BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE) DI AEON BANDARAYA, MELAKA

31 Januari 2022, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Meriahtek (M) Sdn Bhd telah bersama-sama menjayakan program pengumpulan E-Waste pada 29 Januari 2022 yang lalu.

Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menetapkan bahawa Sabtu terakhir setiap bulan adalah hari pengumpulan E-Waste di Malaysia. Sehubungan dengan itu, orang ramai boleh memuat turun aplikasi MyEwaste di telefon pintar untuk mengetahui lokasi pengumpulan E-Waste di Malaysia.

Selain daripada aktiviti pengumpulan E-Waste, turut diadakan hebahan berkaitan larangan pembakaran terbuka, pameran alam sekitar dan pendaftaran ahli rakan alam sekitar (RAS).

#RakanAlamSekitar

#ewaste

#jasnegerimelaka

"E-Waste Dikitar, Bumi Terpelihara"